


Dimensi Wilayah Jurang Pendapatan Isi Rumah antara Kaum



Oleh
**Prof. Emeritus
Zakariah
Abdul Rashid,**
Institut Penyelidikan
Ekonomi Malaysia
(MIER).



PERTUMBUHAN terangkum menjadi matlamat perancangan pembangunan ekonomi jangka panjang Malaysia dan matlamat ini bukanlah pembangunan yang baharu. Matlamat ini sudah sedia ada sejak negara menggubal Dasar Ekonomi Baru yang bermatlamatkan langkah menyusun semula masyarakat dengan membasmi kemiskinan dan menghapuskan identifikasi fungsi ekonomi berasaskan kaum.

Pertumbuhan terangkum ialah istilah baharu yang diketengahkan oleh Bank Dunia pada dekad ini. Pembangunan ekonomi tidak menumpukan perhatian pada pertumbuhan pendapatan sahaja, tetapi juga menitikberatkan soal keterangkuman dan kelestarian alam sekitar. Model Baharu Ekonomi yang digubal oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (*National Economic Action Council, NEAC*) mengguna pakai pendekatan

ini. Majlis ini sudah tidak wujud lagi kerana telah menyempurnakan tugasnya menyiapkan Model Baharu Ekonomi.

Mengapakah keterangkuman menjadi agenda penting dalam pembangunan ekonomi negara ini? Keterangkuman menjadi isu utama pembangunan di Malaysia kerana pembangunan ekonomi negara kita bermula sejak merdeka lagi dalam keadaan yang tidak seimbang yang sering dirujuk sebagai wujudnya jurang yang lebar dari segi pendapatan isi rumah dalam strata, antara wilayah dan antara kaum.

Pekali agregat gini yang agak tinggi dikesan dan hal yang sedemikian mencerminkan taburan pendapatan isi rumah yang sangat tidak memuaskan, bukan sahaja dalam kalangan negara maju, bahkan dalam kalangan negara anggota ASEAN. Ketidakesetaraan ini sering dirujuk dalam kalangan kumpulan pendapatan B40, M40 dan



Sejak penjajahan Inggeris, kita sudah mempunyai pola masyarakat majmuk dan struktur ekonomi dualiti, yang kekal hingga kini.

T20), serta antara negeri di Malaysia dan antara kaum bumiputera dengan bukan bumiputera.

Kelemahan yang sangat ketara kelihatan dalam pelaksanaan dasar keterangkuman kita yang tidak ada sama sekali sasaran kuantitatif yang ingin dicapai menjelang tahun 2020 apabila kita mencapai status negara berpendapatan tinggi kelak atau mencapai sasaran Transformasi Nasional 2050 (TNSO). Trend jangka masa panjang menunjukkan unjuran tahun 2050 memperlihatkan jurang B40-T20 yang sangat lebar.

Jurang pendapatan isi rumah antara bumiputera dengan bukan bumiputera sejak dahulu hingga hari ini pula kekal besar dan bergerak turun naik tanpa menunjukkan sebarang tanda-tanda bahawa situasi ini akan akhirnya mengecil kepada suatu tahap yang memuaskan.

Peningkatan dalam pendapatan negara tidak semestinya akan dituruti dengan pembaikan dalam keterangkuman.

Dengan kata lain, tiada trend yang jelas bahawa jurang antara kaum ini akan akhirnya berada pada tahap yang kecil pada tahun 2050.

Rancangan Malaysia Ke-11 ada meletakkan sasaran agregat pekali gini 0.385 menjelang tahun 2020, tetapi tiada sasaran dalam jurang pendapatan isi rumah antara kaum dan antara negeri. Pada masa yang sama, kita mempunyai sasaran yang mantap dan mekanisme yang jelas untuk mencapai Pendapatan

Negara Kasar (PNK) per kapita AS\$15 ribu (RM66.56 ribu). Negara mewujudkan pelbagai langkah pembaharuan strategik dan institusi pemantauan agar sasaran tersebut tercapai. Walau bagaimanapun, penting juga untuk difahami bahawa peningkatan dalam pendapatan negara tidak semestinya akan dituruti dengan pembaikan dalam keterangkuman.

Selain itu, penting untuk difahami bahawa ketika negara ini bebas daripada penjajahan Inggeris, kita sudah mempunyai pola masyarakat majmuk dan struktur ekonomi dualiti. Pola sedemikian terus kekal hingga hari ini. Yang menarik perhatian ialah ketidaksetaraan pendapatan isi rumah di negara ini sangat dipengaruhi oleh pola sedemikian, yakni keadaan yang menyebabkan ketidaksetaraan pembangunan ekonomi berlaku antara negeri dan antara kaum. Ciri ini penting ditanggapi sebaik-baik mungkin agar kita dapat menggubal dasar keterangkuman yang lebih berkesan.

Pola masyarakat majmuk meninggalkan kesan yang mendalam terhadap identifikasi ekonomi berdasarkan kaum. Golongan bumiputera kelihatan aktif bergiat dalam sektor sara diri pertanian dan perikanan tradisional, sedangkan golongan bukan bumiputera pula dalam sektor perdagangan dan perkilangan moden. Ciri yang sedemikian menyebabkan negeri yang ramai golongan bumiputera banyak yang berkecimpung dalam kegiatan sektor primari.

Bumiputera mempunyai daya penajanaan pendapatan yang rendah bagi setiap yang diusahakan, baik dalam kegiatan sektor primari ataupun sektor bukan primari. Hal ini mewujudkan keadaan bahawa dengan hanya menyerah diri kepada kuasa pasaran, jurang antara pendapatan kaum dengan sendirinya semakin melebar. Oleh itu, kita harus mengetahui terlebih dahulu maklumat tentang taburan geografi penduduk bumiputera setiap negeri yang dengan jelasnya menunjukkan bahawa 80 peratus penduduk bumiputera mendiami Selangor, Kedah, Johor, Kelantan, Perak, Pahang dan Terengganu.

Menarik juga untuk kita fahami bahawa taburan setiap negeri dalam kependudukan bumiputera dan kegiatan mereka yang tinggi dalam sektor primari telah mencorakkan produktiviti yang berbeza antara negeri yang diukur dengan Keluaran

Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita. Walaupun kita tidak dapat menganggar secara langsung perbezaan produktiviti antara pekerja bumiputera dengan pekerja bukan bumiputera, pelibatan mereka dalam sektor primari dan kehadirannya yang banyak di negeri tertentu menyumbangkan perbezaan yang ketara dalam KDNK per kapita negeri dalam purata pendapatan isi rumah antara bumiputera dengan bukan bumiputera. Dalam hal ini, Selangor merupakan satu-satunya negeri yang tidak mencerminkan keadaan sedemikian.

KDNK per kapita negeri kelihatan amat berbeza antara negeri dengan Selangor, Sarawak, dan Pulau Pinang mengungguli tahap produktiviti, sedangkan Kelantan, Kedah, dan Sabah pada kedudukan tercorot dalam rekod paras masing-masing pada tahun 2015. Walaupun paras agregat produktiviti nasional meningkat tahun demi tahun, jurang ketidaksetaraan tidak banyak yang berubah. Hal ini menggambarkan dengan jelas kelemahan struktur dalam sistem pengeluaran negara ini yang banyak disumbangkan oleh rantaian yang lemah antara sektor primari dengan sektor ekonomi yang lain; dan seterusnya menjejaskan kemampuan pertumbuhan jangka panjang.

Jurang KDNK per kapita setiap negeri dijangkakan kekal lebar hingga tahun 2020 dan selanjutnya hingga tahun 2050 dengan ketiadaan sasaran mantap untuk mengecilkan jurang ini. Gambaran yang hampir serupa kelihatan dalam insiden kemiskinan yang semakin mengecil pada peringkat nasional. Sementara itu, Sabah dan Kelantan yang mempunyai KDNK per kapita yang rendah, mengungguli insiden kemiskinan dan Sarawak yang mempunyai KDNK per kapita yang tinggi juga kelihatan mempunyai insiden kemiskinan yang tinggi.

Pembangunan ekonomi yang tumbuh pantas mungkin memerlukan rangsangan pasaran yang baik dalam permintaan akhir, terutama bagi Malaysia yang ekonominya bersifat sangat terbuka. Namun begitu, pergantungan ekonomi negara ini terhadap kuasa pasaran semata-mata akan menghasilkan keadaan yang bukan sahaja tidak mampan, malahan sangat tidak terangkum. Untuk menghasilkan pembangunan yang mampan kita perlu membaiki struktur pengeluaran dengan menggalakkan rantaian yang erat antara sektor primari dengan sekunder dan tertiar. Hal yang

demikian dapat meningkatkan produktiviti sektor primari itu sendiri.

Kebanyakan kegiatan sektor primari berlangsung di negeri yang bukan sahaja produktiviti rendah, tetapi juga yang banyak melibatkan bumiputera. Oleh hal yang demikian, dasar untuk mengukuhkan struktur pengeluaran melalui pemeraksanaan sektor primari akan juga menghasilkan natijah yang baik untuk keterangkuman antara negeri dan antara kaum.

Untuk membolehkan bumiputera berupaya menajankan pendapatan yang kompetitif, mereka juga perlu mempunyai daya pengandaan pendapatan yang tinggi yang memerlukan strategi bagi memperkasakan daya penajanaan pendapatan. Strategi ini tidak melibatkan secara langsung sistem pengeluaran, tetapi lebih menurus pada hal yang berkaitan dengan aspek sosioekonomi.

Untuk pencapaian yang lebih berkesan dalam pertumbuhan yang terangkum, saya berpendapat bahawa strategi bagi memperkukuh sistem pengeluaran merupakan syarat yang perlu ada, manakala strategi untuk memperkasakan pengandaan pendapatan bumiputera merupakan syarat pelengkap. Struktur ekonomi tidak dapat diperkukuh melainkan kita memperelok rantaian antara sektor, segali gus membaiki keterangkuman antara negeri dan antara kaum; yakni mencapai pertumbuhan yang terangkum. Jika kita melaksanakan strategi sosioekonomi, syarat pelengkap yang dirujuk lebih awal tadi, kita mungkin hanya dapat mencapai keterangkuman, sebaliknya pertumbuhan tidak akan tercapai.

Jika kita melaksanakan strategi yang hanya membaiki struktur ekonomi seperti yang dinyatakan di atas, kita akan mencapai juga pertumbuhan yang terangkum, namun keberkesanannya kurang jika dibandingkan dengan strategi yang pertama. Apa-apa jua keadaan semasa yang terjadi dalam rangsangan pasaran, baik yang positif mahupun yang negatif, jika strategi tersebut terhasil hal ini akan dapat diharungi oleh ekonomi Malaysia dengan baiknnya. ●

Walaupun paras agregat produktiviti nasional meningkat tahun demi tahun, jurang ketidaksetaraan tidak banyak yang berubah.